

19 APR 2001

Mahathir-Pegawai

HANYA PEGAWAI TERTENTU DIBENAR AKTIF BERPOLITIK

GENTING HINGHLANDS, 19 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan hanya boleh mempertimbangkan pegawai-pegawai yang tidak mempunyai percanggahan kepentingan untuk mengambil bahagian secara aktif dalam politik.

Katanya pegawai yang tidak mempunyai percanggahan kepentingan boleh meminta kebenaran berbuat demikian dan terpulanglah kepada kerajaan untuk membenarkannya atau tidak.

"Kerajaan cuma boleh timbang bagi pegawai tertentu sahaja yang tidak mempunyai percanggahan kepentingan dalam menjalankan tugas, kalau tidak ada percanggahan kepentingan, terpulanglah pada kerajaan nak bagi atau tidak," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Konvensyen Perdana Pendidikan Kebangsaan 2001 di Institut Aminuddin Baki di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai pemilihan Penolong Gabenor Bank Negara (Operasi dan Pelaburan) Datuk Dr Awang Adek Husin sebagai Timbalan Ketua Umno Bahagian Bachok di Kelantan.

Perhimpunan khas Umno November lepas meluluskan Fasal 6.3.4 dalam perlembagaannya bagi membolehkan pegawai Kumpulan A menawarkan diri bertanding dan memegang jawatan dalam parti.

Bagaimanapun Perkara 21(1) Perintah Am untuk kakitangan awam (Perilaku dan Disiplin) 1993 melarang pegawai dalam Kumpulan Jawatan Utama Sektor Awam serta Kumpulan Pengurusan dan Profesional mengambil bahagian secara aktif dalam parti politik.

Mengenai Perintah Am itu, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak mempunyai sebarang masalah kerana sejak dahulu lagi memang terdapat pegawai kerajaan yang menyertai politik.

"Kita tak bagi secara rambang untuk semua, kerana kadang-kadang, apa akan jadi kalau ketua bahagian itu budak pejabat dan dia nak bekerja di bawah seorang DO (Pegawai Daerah), jadi masalah, ada percanggahan kepentingan. Sebab itu kena berhat-hati, kita kena timbang betul-betul," katanya.

Ketika ditanya mengenai sistem pendidikan sekolah Cina yang dikatakan lebih baik berbanding dengan sekolah kebangsaan, Dr Mahathir berkata: "Kalau ada perbezaan sekolah Cina dengan sekolah kebangsaan, ini juga berasas kepada budaya yang mempengaruhi ciri-ciri sekolah Cina lebih menarik."

Mengenai kecenderungan ibubapa Melayu menghantar anak mereka ke sekolah agama, Dr Mahathir berkata kerajaan tidak mempunyai sebarang masalah asalkan pelajaran agama diajar dengan betul.

Dr Mahathir berkata, apa yang berlaku ialah ada pihak menyalahguna sekolah agama dengan menyuruh pelajar meludah, memijak dan mengoyak gambar pemimpin tertentu dan mengajar kononnya kerajaan pada masa ini tidak Islam.

Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad pula berkata Kementerian Pendidikan menerima laporan dari semasa ke semasa mengenai perkembangan di sekolah-sekolah.

Katanya sebarang salah laku akan disiasat dan tindakan akan diambil jika terdapat laporan berasas.

-- BERNAMA

MS RV MAI